

Muhyiddin mula tugas sebagai Perdana Menteri
AstroAwani
02 Mac 2020
Harits Asyraf Hasnan,

PUTRAJAYA: Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini memulakan tugas hari pertama beliau sebagai Perdana Menteri Kelapan di Bangunan Perdana Putra, di sini, hari ini.

Kenderaan membawa Perdana Menteri ke-8 itu dilihat tiba jam 7.55 pagi di Pejabat Perdana Menteri di pekarangan bangunan Putra Perdana.

Muhyiddin disambut Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Mohd Zuki Ali sebelum dibawa ke aras 5, yang menempatkan Pejabat Perdana Menteri.

Sebelum memasuki pejabat, Muhyiddin mengimbas kad perakam waktu dan mengaminkan bacaan doa.

Beliau kemudian mendaftar masuk tepat jam 7.58 pagi untuk memulakan tugas.

Muhyiddin dijadual pulang ke kampung halaman di Muar, Johor untuk menziarahi pusara ahli keluarga dan menunaikan solat zohor.

Pada sebelah petang, Muhyiddin dijadual bertemu dengan Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador dan Panglima Angkatan Tentera, Tan Sri Jeneral Affendi Buang.

Muhyiddin, 72, mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri kelapan di hadapan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, di Istana Negara semalam (1 Mac).

Al-Sultan Abdullah memberi perkenan pelantikan Muhyiddin itu selaras dengan Perkara 40(2)(a) dan Perkara 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan.

Pada hari pertamanya, Muhyiddin mempunyai jadual temujanji dengan Mohd Zuki, Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Hamid Bador, dan Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Jeneral Tan Sri Affendi Buang.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/muhyiddin-mula-tugas-sebagai-perdana-menteri-232264>